

Headline	Ramli Sarip M Nasir Antara falsafah dan persahabatan		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	20 Dec 2015	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Pancaindra	Color	Full Color
Page No	14,15	ArticleSize	1620 cm ²
AdValue	RM 36,176	PR Value	RM 108,529



Oh, SYED MUHAMMAD SYED MAHMUD
muhammad.mahmud@com.my

BUKAN singkat usia persahabatan mereka dan dalam tempoh ini masing-masing sudah mengemili antara satu sama lain dengan lebih dekat dan menjadikan persahabatan antara Duta Ramli Sarip dan Duta M Nasir begitu akrab.

Tambahan pula masing-masing membesar di Singapura dan pastinya ikatan yang telah terjalin

antara mereka bukan sahaja sebagai lelaki dari daerah yang sama sebaliknya lebih daripada itu. Mengambil kembali perkenalan mereka, M Nasir tidak memulakan yang dia sememangnya sudah meminati Ramli sejak berusia belasan tahun lagi. Ketika itu Ramli dan kumpulan Sweet Charity sudah menjadi kumpulan terkenal serta popular di negara bersejarah.

Meskipun ketika itu dia masih belum melampirkan persahabatan utuh dengan lelaki tersebut, setiap kali dia berjumpa dengan Ramli dia selalu mengingati

yang dimainkan oleh lelaki berkenaan begitu dekat dengan dirinya.

"Waktu itu saya hanya pelajar sahaja dan Ramli sudah mencukur nama yang besar. Setiap kali dia mengadakan persembahan, saya pasti akan menyanyikan mereka beraksi di beberapa lokasi.

"Mungkinnya kami hanya tahu antara satu sama lain tetapi tidak rapat. Dia pula banyak mengadakan persembahan di kebanyakan bandar-bandar dan menjadikan mereka band yang popular ketika itu," kata M Nasir mengingati kembali kenangan itu.

"WAKTU ITU SAYA HANYA PELAJAR SAHAJA DAN RAMLI SUDAH MEMPUNYAI NAMA YANG BESAR. SETIAP KALI DIA MENGADAKAN PERSEMBAHAN, SAYA PASTI ADA MENYAKSIKAN MEREKA BERAKSI DI BEBERAPA LOKASI."

Ramli Sarip & M Nasir

Antara falsafah dan persahabatan

Tambah M Nasir lagi, ketika dia berusia belasan tahun, persembahan Ramli dan kumpulannya bukan sahaja menjadi perhatian sebaliknya dia melaksanakannya sebagai contoh terbaik di zaman itu.

Persembahan Sweet Charity yang begitu bertempak, ditambah pula dengan suara yang mantap serta tahu bagaimana rock yang lebih membolehkan M Nasir menjadikan mereka sebagai idola.

"Saya tahu mereka lebih kepada muzik rock tetapi saya pula lebih kepada genre folk dan blues. Setelah itu ada kekeliruan dalam pelajaran seni kami sehingga ke hari ini," kata M Nasir lagi.

Sementara itu, pada 1974, Ramli bukan sahaja bernilai di kebanyakan majlis perkahwinan tetapi pada masa yang sama turut menjadi penyanyi utama di Deniro Lounge, tempat mereka mencari rezeki.

Ramli mula menerangi dunia muzik dengan lebih mendalam di situ. Selalunya dia gemar membaca bahan bacaan luar negara berkaitan muzik yang banyak dibawa masuk oleh lelaki kapal dan asik luar negara pada waktu itu.

Paling diingat apabila dia sering membayangkan cara penyanyi luar yang mengidolanya bernyanyi. Waktu itu selegainya hanya perlu dibayangkan memandangkan tidak memunyai visual atau video yang boleh dipaparkan di situ.

Bukan saja cara nyanyian yang dibayangkan malah cara memegang mikrofon juga tidak diambil mudah dan perlu kena dengan caranya, kata Ramli.

Tambahnya, meskipun Sweet Charity menjadi kumpulan popular ketika itu, mereka masih belum mampu bergerak jauh dan 'berputar' di sekitar Singapura sahaja.

"Waktu itu M Nasir masih orang baharu. Saya mengetahui sebarang dia memandangkan rumah kami yang tidak terlalu jauh antara satu dengan lain. Dia meminati di Jalan Tech Whyer manakala saya pula di Bukit Cantik."

"Tapi ketika itu masih belum rapat memandangkan Sweet Charity memang sibuk ketika itu. Hampir setiap minggu kami terlibat dengan persembahan orang kahwin atau membuat persembahan di Panggung Negara di sana," kata Ramli mengingati era tersebut.

Ramli berkata, Sweet Charity bukan sahaja dikenali ramai tetapi menjadi angaran penduduk di sana. Bukannya, mereka (bukan ramli) akan membayar wang berjumlah S\$1,500 (maka wangi Singapura) untuk majlis perkahwinan yang diadakan.

Mereka juga sering diundang ke Panggung Negara beratus-ratus sama beberapa kumpulan lain ketika itu yang mengesankan oleh sebanyak S\$3 sahaja.

"Dahulu kalau ada persembahan memang melibatkan banyak kumpulan. Kalau persembahan kumpulan lain, orang buat tak tahu sahaja tapi bila lipir gitar kami, penonton mulai berkumpul memandangkan panggung," katanya mengisahkan kenangan.

Mengulas mengenai perjalanan seni

secara serius pula, M Nasir hanya mahu memberikan kumpulan sepenuhnya saat bergabung tenaga dengan A.I selepas lelaki tersebut keluar daripada kumpulan Sweet Charity.

Keberhasilan penuntut tidak mengesahkan yang A.I pernah menjadi moshed untuk Sweet Charity bermula 1974 hingga 1977 sebelum dia bergabung tenaga dengan M Nasir dan S Shahrin menerusi Kembang selepas itu.

Beberapa tahun kemudian, saat Sweet Charity dan Kembang benar-benar sentiasa dalam keadaan muzik, kedua-dua mereka mulai rapat dan persahabatan itu kekal sehingga ke hari ini.

Dengan perjalanan puluhan tahun yang telah mereka lewati, pastinya mempunyai seribu satu kisah dan cerita yang akan terus dikenang dan menjadi sejarah manis buat Ramli dan M Nasir.

KERJASAMA

ATAS dasar persahabatan dan saling kagum-kagum antara satu sama lain, Ramli dan M Nasir bakal mengembara ke beberapa buah universiti yang sudah ditetapkan pada tahun depan.

Mengambil nama Ramli Sarip & M Nasir - University Tour sebagai tema utama, pastinya mereka tidak sekadar mengadakan persembahan sebaliknya akan berkolaborasi dengan pihak-pihak tertentu.

Ujungnya, kebanyakan pihak universiti pula memberikan lampu hijau untuk mengadakan persembahan dan berkolaborasi pengalaman agar dapat memberikan sesuatu yang baharu kepada pelajar yang terlibat.

Ujar Ramli, para pelajar tersebut nanti bukan sahaja boleh terlibat sama dalam siri 'Welcome Song Music' yang diadakan pada sebelah siang tetapi mereka juga akan didedahkan dengan falsafah setiap lirik terbah.

"Ada yang mahu mengetahui mengenai seribu satu kisah dan cerita dimasa lampau itu. Mereka sering bertanyakan apa tujuan utama lirik itu dihasilkan dan apakah erti tersurat dan tersirat."

"Saya dan M Nasir akan mendedahkan kepada mereka dalam siri wacana ini nanti. Semua

album dan lagu ada sejarah, cerita dan wawasan tersendiri. Itu yang akan kita dedahkan kepada mereka," tegasnya lagi.

Bagi M Nasir pula, pastinya kembara ke universiti kali ini menghidupkan kembali kenangan ketika kali pertama kumpulan Kembang dan Sweet Charity mengadakan persembahan pada tahun 1973/1974.

Ketika itu, Kembang yang menjadi band pembuka kepada konsert Sweet Charity bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pastinya akan terus menjadi kenangan manis yang diingat.

"Bila mahu kembali ke universiti pastinya ingatan itu kembali. Yang pasti jadi sesuatu yang menarik yang akan kami sampaikan dalam setiap siri 'Welcome Song Music'," kata M Nasir mengulas.

Selanjutnya, tujuh universiti akan dijayakan terdiri dari Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia (UM), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Alor Gajah (Mekong), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas).

Bagi mereka yang ingin turut serta, kembara ini akan bermula 13 Februari hingga 9 April depan dan tiket boleh hantui akan mula dijual pada 1 Januari 2016.

Hubungi 03-7773 0677 untuk maklumat lanjut.